

04 MAR 1999

MBBC-MESYUARAT

MBBC ADAKAN MESYUARAT PERTAMANYA DI LONDON

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Majlis Perniagaan Malaysia British (MBBC) akan mengadakan mesyuarat pertamanya di London pada 15 Mac, kata pengarah eksekutifnya Datuk Michael Yeoh.

Beliau yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Institut Strategik & Kepemimpinan Asia (ASLI) berkata, di sana Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman akan memberi taklimat kepada anggota Majlis itu mengenai tindakan kerajaan untuk menangani krisis ekonomi yang dihadapi.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dijangka akan memberi ucap utama dalam satu seminar mengenai Peluang Pelaburan di Malaysia yang diadakan bersempena dengan mesyuarat majlis itu.

Seminar itu akan dihadiri oleh para pengurus dana Britain, pemimpin-pemimpin perniagaan dan penganalisis pelaburan. Turut memberi taklimat adalah Penasihat BNM Datuk Dor Mohamad Yaacop di mana beliau akan memberi penjelasan mengenai kawalan modal.

Menurut Yeoh, pemimpin-pemimpin perniagaan Malaysia yang akan menghadiri mesyuarat Majlis itu akan diketuai oleh Presiden ASLI dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Konsortium Perkapalan Bhd Mirzan Mahathir.

Antara pemimpin-pemimpin perniagaan Malaysia lain adalah Ketua Eksekutif Kumpulan Antah Holdings Bhd Tunku Tan Sri Imran, Pengarah Urusan Kumpulan YTL Corporation Bhd Tan Sri Francis Yeoh, Pengarah Urusan Kumpulan Country Heights Holdings Bhd Tan Sri Lee Kim Yew dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Bumiputra Malaysia Bhd Datuk Abdul Aziz Othman.

Yeoh dari ASLI berkata matlamat utama Majlis itu adalah untuk menarik lebih banyak pelaburan Britain ke Malaysia, terutamanya dari kalangan industri kecil dan sederhana.

Ia juga akan berusaha mendapatkan semula keyakinan rakyat Britain terhadap ekonomi Malaysia, terutamanya dalam prospek pemulihan Malaysia, tambahnya.

-- BERNAMA

MFZ JR MA